

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 hingga 10

Lengkapkan ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Sejak kecil Kim Wei sememangnya rajin belajar. _____ sekarang belajar dalam bidang kejuruteraan di Universiti Malaya.

A	Dia	C	Engkau
B	Awak	D	Mereka

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



2. Mak Cik Zila sedang menanak nasi _____ untuk anaknya yang berusia satu tahun kerana anaknya itu masih belum tumbuh gigi.

A	kecil	C	empuk
B	lembik	D	halus

3. Pemakaian artis lelaki itu yang segak, _____, dan bergaya menyebabkan dia menjadi contoh dalam kalangan artis yang lain.

A	kemas	C	anggun
B	mahal	D	menawan

4. "Titah perintah tuanku terjunjung di atas batu jemala _____" kata Syeikh Shamsuddin kepada Sultan Mansur Syah.

A	beta	C	patik
B	hamba	D	baginda

5. Lembaga Kemajuan Ikan telah mengadakan Latihan dalam bidang penternakan ikan sangkar secara _____.
- A insentif C interaktif
B inisiatif D intensif
6. "_____, anak-anakku belajarliah bersungguh-sungguh!" Kata Encik Baharom.
- A Wahai C Amboi
B Cis D Aduh
7. Pertandingan bola baling anjuran Belia Daerah Kemaman dan Dungun akan diadakan _____?
- A apa C mengapa
B bila D berapa
8. "_____, inilah baju songket kepunyaan nenek saudara saya yang masih tetap cantik!" Kata Mira kepada Ainan.
- A Eh C Nah
B Hai D Wah
9. _____ adik menangis dan tidak berselera untuk makan sejak pagi tadi?
- A Mengapakah C Berapakah?
B Bilakah D Dimanakah?
10. Kempen _____ yang dijalankan oleh kerajaan mendapat sambutan hangat.
- A antibiotik C antibodi
B antibakteria D antidadah